

**SOALAN-SOALAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, TAHUN PERTAMA,**  
**DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS, PERAK DARUL RIDZUAN**  
**NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**PADA 27 DISEMBER 2022 (SELASA)**

---

**1. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Isu pemilikan hak milik tanah menjadi isu utama di Dun Trong. Apakah langkah kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah permohonan geran tanah yang tertangguh sejak puluhan tahun ini?

**2. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDIN BIN ABDUL AZIZ ( KAMUNTING )**

Usaha Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar.

Pemeliharaan alam sekitar ini merupakan tanggungjawab sosial yang perlu dilakukan bersama, menyedari isu pemanasan global yang semakin meruncing, sesuatu perancangan dan tindakan perlu dilaksanakan secara kolektif tanpa mengira ideologi politik.

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Perak dalam menyahut hasrat ini?

**3. YB ENCIK GOH SEE HUA ( PASIR PINJI )**

Masalah penyelenggaraan dan kerosakkan jalan

- a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS untuk Majlis Bandaraya Ipoh pada tahun 2022 dan berapakah peruntukan yang telah digunakan untuk membaiki dan menurap jalan di kawasan Dun Pasir Pinji?
- b) Kebanyakkan jalan di dalam kawasan Dun Pasir Pinji samaada kampung baru atau dalam Taman perumahan telah lama tidak diselenggara, adakah pihak jabatan berkenaan mempunyai perancangan untuk menyelesaikan masalah ini?
- c) Berapakah masa yang diberikan kepada Puncak Emas Infra Sdn Bhd untuk menyelesaikan satu aduan dan apa tindakan yang akan diambil sekiranya kerja tidak dimulakan dalam masa yang ditetapkan?

**4. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG ( ASTAKA )**

YB Jason Ng Thien Yeong (ASTAKA) minta Menteri Besar menerangkan apakah inisiatif-inisiatif dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk membantu dan menggalakkan golongan belia untuk terlibat dalam bidang pertanian dan perternakan.

**5. YB ENCIK KHALIL BIN YAHDAYA ( KUBU GAJAH )**

Projek tebatan banjir merupakan antara projek yang mempu menyelesaikan masalah banjir di kebanyakan tempat. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menaiktaraf projek tebatan banjir di kawasan berisiko sebelum banjir yang dijangka bakal melanda pada masa akan datang?

1. Apakah rasional tindakan pihak berwajib meletakkan pasir di bahagian tepi sungai kerana setelah hujan lebat melanda, pasir tersebut kembali masuk ke dalam sungai?

**6. YB ENCIK ABDUL AZIZ BIN BARI ( TEBING TINGGI )**

Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ), Adakah projek perintis yang di buat di kawasan perindustrian Jelapang akan di perluaskan di tempat lain dan apakah faktor atau pra syarat yang di perlukan?

**7. YB PUAN WONG CHAI YI ( SIMPANG PULAI )**

Apakah perancangan tanah rizab untuk pembinaan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di Bandar Seri Botani, yang amat diperlukan apabila populasi di kawasan tersebut semakin meningkat?

**8. YB PUAN KOO HAAI YEN ( KERANJI )**

Hospital Kampar

- a) Apakah status terkini pengambilan balik tapak baru hospital Kampar di Kampung Changkat Baru?
- b) Apakah jumlah kos yang terlibat dalam pengambilan balik tapak di Kampung Changkat Baru dan adakah kerajaan negeri akan menanggung sepenuh kos ini?
- c) Sila nyatakan satu jadual secara kasar, bilakah Hospital Kampar boleh siap dibina memandangkan peruntukan telah diluluskan di parlimen dan tapak baru di Kampung Changkat Baru telah dikenalpasti dan diluluskan oleh MMK

**9. YB DR. NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD ( BOTA )**

Saya ingin mendapat penjelasan tentang Kad Ibu Darul Ridzuan?

- I. Berapakah jumlah rakyat dinegeri ini yang mendapat kemudahan tersebut mengikut daerah?
- II. Adakah program ini akan diteruskan?
- III. Bolehkan ia ditingkatkan lagi peruntukan agar lebih ramai lagi golongan B40 mendapat manfaat termasuklah guru-guru PASTI yang juga merupakan rakyat negeri Perak.

**10. YB ENCIK HASHIM BIN BUJANG ( BUKIT CHANDAN )**

Pendapatan pemandu teksi terjejas teruk disebabkan dengan adanya perkhidmatan e-hailing atau grab. Ramai penumpang yang memilih perkhidmatan grab jika dibandingkan dengan perkhidmatan teksi. Walau bagaimanapun masih ramai lagi pemandu teksi yang masih meneruskan perkhidmatan sebagai pemandu teksi sebagai punca utama pendapatan untuk menyara keluarga. Dari perbualan saya dengan pemandu2 teksi di Kuala Kangsar untuk mendapatkan Rm50 sehari pun sangat susah. Dengan pendapatan kurang dari Rm 1000 sebulan ini la untuk menyara keluarga, maintainance kereta, duit minyak kereta harian, cukai jalan dan bayaran permit teksi.

Soalan saya. Apakah perancangan Kerajaan negeri Perak untuk membantu pemandu2 teksi yang terjejas teruk pendapatan mereka di negeri Perak ini. Saya juga ingin mencadangkan kerajaan negeri memberi subsidi atau paling kurang kad perihatin untuk membantu mengurangkan beban perbelanjaan harian mereka

**11. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI ( KUALA KURAU )**

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah

- a) Apa halatuju Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah
- b) Adakah wakil rakyat pembangkang juga akan dijemput hadir dlm mesyuarat JTPD

**12. YB ENCIK ONG BOON PIOW ( BERCHAM )**

Masalah banjir kilat di negeri Perak?

- I. Kerja mendalamkan dasar Sg Kinta dan Sg Pinji di bahagian Taman Cempaka dan Ampang telah selesai, bilakah bahagian di Bercham, dasar Sg Kinta dan Sg Pinji akan didalamkan agar risiko banjir kilat akan dikurangkan?
- II. Sila jelaskan apakah kerja penambahbaikan akan dijalankan untuk mengatasi masalah banjir kilat di beberapa kawasan Bercham?
- III. Berapakah peruntukan dianggarkan untuk kerja mengatasi masalah di DUN Bercham mengikut lokasi tertentu?

**13. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN ( LUBOK MERBAU )**

Saya mendapat beberapa aduan dari penoreh-penoreh getah yang menghadapi masalah penyakit kulat pada tanaman mereka. Penyakit kulat ini menyebabkan berlaku luruhan daun-daun pokok getah secara melampau, yang lama kelamaan akan mengakibatkan pengeluaran getah terbantut dan pokok akan cepat mati. Soalan saya, apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri Perak dalam membantu mereka ini, khususnya penoreh dalam DUN Lubok Merbau. Dan apakah bantuan atau skim yang pihak kerajaan ada sediakan untuk mereka?

**14. YB PUAN JENNY CHOY TSI JEN ( CANNING )**

Sistem Pengangkutan Awam

Kenaikan harga minyak petrol telah meningkatkan kebergantungan orang ramai terhadap sistem pengangkutan awam.

- i. Apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan keefisienan sistem pengangkutan awam di negeri Perak supaya lebih senang diakses oleh orang ramai?
- ii. Apakah agensi-agensi yang terlibat dalam meluluskan kemasukan bas ke taman-taman perumahan?

**15. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN ( SUNGAI MANIK )**

Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan seluruh Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) di Negeri Perak dilengkapi Infrastruktur Asas bagi membolehkan pemilik tapak dapat terus membina rumah kediaman mereka

**16. YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS ( BATU KURAU )**

Batu Kurau ingin mendapatkan penjelasan daripada YAB Menteri Besar Perak, tentang status permohonan pemasangan lampu jalan dari Ulu Sepetang ke Batu Kurau.

**17. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN ( BUNTONG )**

Minta Penggerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan rancangan kerajaan dan Majlis Bandaraya Ipoh untuk memastikan Jalan Sungai Pari di Buntong dinaiktaraf dengan sempurna supaya jalan utama ini selamat digunakan oleh penduduk Buntong. Kebanyakan jalan di kawasan DUN Buntong samada jalan di dalam kampung baru atau jalan-jalan taman perumahan sudah lama tidak diselenggara. Apakah rancangan kerajaan bagi menyelengara dan menaiktaraf jalan-jalan di DUN Buntong supaya selamat untuk pengguna jalanraya

**18. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA ( GUNONG SEMANGGOL )**

**MOHON YAB MENTERI BESAR PERAK MENJAWAB:**

Kos sara hidup serta peningkatan harga barang menjadi isu penting untuk dibincangkan serta diberikan penyelesaian tuntas oleh semua pihak memandangkan tahun hadapan diramalkan akan berlaku kegawatan ekonomi yang perlu dipandang serius.

- a. Apakah usaha serta langkah pihak kerajaan negeri khususnya dalam menyediakan sebuah pelan tindakan bersepada dan menyeluruh bagi memastikan harga barang keperluan utama dapat dikawalurus dengan baik dan tidak membebankan rakyat?
- b. Apakah akan diwujudkan satu jawatankuasa khas bipartisan di peringkat negeri untuk merangka pelan penyelesaian serta memantau segala isu kos sara hidup?
- c. Apakah perancangan pihak kerajaan negeri untuk membantu para pekebun kecil untuk meningkatkan harga komoditi seperti getah, padi dan sawit untuk meningkatkan pendapatan mereka bagi memastikan mereka tidak terbeban disebabkan kos sara hidup dan input pertanian yang kian meningkat?

**19. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA ( RUNGKUP )**

Masalah ketiadaan peruntukan utk infrastruktur bagi projek2 rancangan perkampungan tersusun (RPT) adalah sangat ketara & telah berterusan sekian lama. Apakah penyelesaian tuntas oleh kerajaan negeri & kerajaan persekutuan utk permasalahan ini?